

## **MEMPERKUKUH KESEPADUAN SOSIAL: KAJIAN KE ATAS KOMUNITI PENDUDUK TEMPATAN DAN ORANG LUAR (WARGANEGARA) DI PULAU LABUAN, MALAYSIA**

*(Strengthening social cohesion: A study of the locals and outgroups (citizens) in a community in Pulau Labuan, Malaysia)*

Mohd. Sharial Bungsu, Rahimah Abdul Aziz

### **ABSTRAK**

Pada hari ini bukanlah suatu tugas yang mudah untuk memperkuuh kesepaduan sosial dalam sesebuah komuniti bagi penduduknya yang hidup dalam keadaan tenang dan tegang bersilih ganti. Keadaan stabil tetapi tegang yang wujud dalam kehidupan masyarakat Malaysia pada hari ini bermaksud pelbagai cabaran masih wujud menguji kesepaduan sosial yang dibina rakyat. Segalanya dipengaruhi oleh interaksi sosial antara kelompok dalam komuniti tersebut. Justeru itu, objekif utama kajian ini adalah untuk meneliti pengaruh interaksi sosial terhadap kesepaduan sosial antara kelompok dalam sesebuah komuniti. Kajian ini menggunakan paradigma penyelidikan kajian kes yang memfokuskan kepada pengalaman interaksi sosial antara informan dengan anggota daripada kelompok berlainan. Untuk tujuan itu, seramai 12 orang informan penduduk tempatan dan enam orang informan orang luar (warganegara) telah dipilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian ini dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapat bahawa kekerapan kontak sosial dan komunikasi antara kelompok berupaya mengukuhkan kesepaduan dalam komuniti. Kesimpulannya, interaksi sosial antara kelompok yang positif, kerap dan mesra merupakan prasyarat utama untuk mengukuhkan kesepaduan sosial antara kelompok dalam sesebuah komuniti.

**Kata kunci:** kesepaduan sosial, kelompok dalam, kelompok luar, interaksi sosial, komuniti

### **ABSTRACT**

*Nowadays it is not an easy task to strengthen social cohesion in a community of people who are living interchangeably in harmonies and tense situations. Living in such situations means numerous challenges still exist testing the social cohesion that people had built. Everything is influenced by social interaction among groups in the community. Thus, the main objective of this study is to examines the effect of social*

*interaction on social cohesion among groups in a community. The study adopted a case study approach that focuses on the experience of social interactions among informants with members of different groups. For this purpose, a total of 12 local informants and six outgroup (citizens) informants were selected for this study. The study sample was selected using purposive sampling. The study found that the frequency of social contact and communication between groups help to strengthen cohesion in the community. In conclusion, positive, frequent, and friendly social interactions between groups is a prerequisite to strengthen social cohesiveness in a community.*

**Keywords:** social cohesion, ingroup, outgroup, social interaction, community

## PENGENALAN

Mujibu Muis (2012) mengatakan bahawa di Malaysia, walaupun di peringkat permukaan hubungan antara etnik atau kelompok disifatkan sebagai tenang, ianya hanyalah bersifat kepura-puraan kerana jauh didasarnya masih tersemat kuat perasaan marah, kecewa, tidak puas hati dan benci. Perasaan marah, kecewa, tidak puas hati dan benci yang wujud itu kemudiannya telah mencipta dikotomi antara kelompok dalam hampir segenap aspek kehidupan. Menurut Mujibu Muis lagi, dikotonomi antara kelompok di Malaysia sentiasa diwarnai dengan perasaan syak wasangka, dengki-mendengki serta etnosentrik berlebihan yang akhirnya menajamkan perasaan primordial yang mengakibatkan kelompok memandang kelompok berlainan sebagai kelompok saingan. Sungguhpun begitu, Mansor Mohd Noor (2012) menjelaskan bahawa walaupun permasalahan kelompok akan sentiasa berlaku di negara ini, kajian menunjukan bahawa gambaran optimis terhadap hubungan kelompok yang baik di Malaysia sedang berlaku. Kenyataan Mansor tersebut dilihat selari dengan pandangan Shamsul AB (2009) yang mengatakan bahawa rakyat Malaysia pada hari ini sebenarnya sudah terbiasa hidup dalam keadaan "ketegangan yang stabil" atau *stable tension*. Shamsul AB menjelaskan bahawa "ketegangan yang stabil" adalah sifat hubungan kaum dan kelompok di Malaysia yang sentiasa tenang dan tegang silih berganti. Menurut Shamsul AB lagi, keadaan tegang-stabil dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang terjadi sehingga kini berlangsung dalam keadaan harmonis dan tidak menjadikan kepentingan dan survival sosioekonomi kelompok masing-masing. Dengan erti kata lain, keadaan stabil tetapi tegang yang wujud dalam kehidupan masyarakat Malaysia pada hari ini bermaksud pelbagai cabaran masih wujud menguji kesepadan sosial yang dibina rakyat (Shamsul AB, 2012).

Cabaran yang wujud itu pula bergantung kepada pola interaksi sosial antara kelompok rakyat di negara ini. Sekiranya baik, mesra dan kerap interaksi sosial yang terjadi antara kelompok maka, hubungan sosial yang positif antara kelompok berlau dan begitu juga sebaliknya. Dennis, A. et. al (2013) menjelaskan bahawa interaksi sosial sememangnya sudah sebatи dalam kehidupan seharian masyarakat. Menurut Dennis et. al lagi, interaksi sosial boleh difahami menerusi penelitian terhadap *fundamental part of human sociality* seperti berusaha memandu kenderaan di jalan dengan mengelak daripada melanggar kenderaan orang lain, beratur di kaunter supermarket untuk membayar barang yang dibeli, berhati-hati dalam perbualan dengan orang supaya tidak

menguris hati orang tersebut, memperakui status sosial orang yang ditemui serta menikmati masa lapang dan melakukan aktiviti yang digemari dengan ditemani rakan.

Justeru itu, artikel ini mempunyai tiga tujuan. Pertama, untuk membincangkan pengaruh interaksi sosial terhadap pengukuhan kesepadan sosial dalam sebuah komuniti. Kedua, untuk menerangkan kepentingan interaksi sosial. Ketiga, untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kelompok ketika berinteraksi dengan kelompok yang berbeza dan menjelaskan bagaimana mereka dapat menyelesaikan masalah tersebut.

## **KAWASAN DAN KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dilakukan di Pulau Labuan. Pemilihan Pulau Labuan sebagai kawasan kajian adalah kerana pulau ini memenuhi beberapa kriteria yang disaran oleh Dandy, J. dan Pe-Pua, R. (2013) sebagai sebuah lokasi yang sesuai untuk mengkaji kesepadan sosial. Menurut Dandy, J. dan Pe-Pua, R., untuk mengkaji kesepadan sosial, kawasan kajian tersebut hendaklah sekurang-kurangnya menepati empat kriteria. Pertama, komuniti tersebut dihuni oleh penduduknya yang terdiri daripada latar belakang berbeza. Kedua, kawasan tersebut diketahui merupakan kawasan yang aman dan harmoni. Ketiga, penduduknya termasuklah daripada kelompok migran/imigran yang baharu sampai dan mempunyai latar belakang yang sama dengan komuniti tuan rumah. Keempat, penduduknya termasuklah daripada kelompok migran/imigran yang baharu sampai dan mempunyai latar belakang berbeza dengan komuniti tuan rumah.

Penelitian pengkaji mendapat kesemua kriteria yang dinyatakan oleh Dandy, J. dan Pe-Pua, R. itu terdapat di Pulau Labuan. Pertama, penduduk di Pulau Labuan terdiri daripada komuniti penduduk tempatan (komuniti tuan rumah) dan komuniti orang luar. Kedua, telah diketahui umum bahawa wilayah Malaysia Timur termasuk Pulau Labuan merupakan antara kawasan dalam Malaysia yang penduduknya hidup rukun, damai dan harmoni. Ketiga, orang luar yang datang ke Pulau Labuan memiliki ciri demografi yang sama dengan penduduk tempatan seperti berkongsi kewarganegaraan, agama, etnik dan pekerjaan. Keempat, terdapat juga orang luar yang datang ke Pulau Labuan memiliki ciri demografi yang berbeza dengan penduduk tempatan seperti warga asing (bukan warganegara Malaysia) serta bukan dari kelompok etnik dan bangsa yang sama dengan penduduk tempatan meskipun mereka berkongsi agama dan kepercayaan yang sama.

Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan serta temu bual mendalam bagi memperoleh data dan maklumat. Pemerhatian dilakukan ke atas interaksi sosial antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara). Sementara itu, temu bual mendalam pula dijalankan bersama 12 orang informan penduduk tempatan dan enam orang informan orang luar (warganegara) bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan pengalaman interaksi sosial sehari-hari mereka bersama kelompok berbeza. Antara soalan yang ditanyakan dalam temu bual termasuklah yang berkaitan dengan sosiodemografi informan, pengalaman

interaksi sosial mereka dengan kelompok berbeza, pandangan mereka mengenai kepentingan interaksi sosial dengan kelompok berbeza serta masalah yang dihadapi mereka sepanjang berinteraksi dengan kelompok berbeza.

### **Komuniti penduduk tempatan dan orang luar (warganegara) di Pulau Labuan**

Penduduk di Pulau Labuan pada asasnya terbahagi kepada dua kelompok sosial utama iaitu kelompok penduduk tempatan yang merupakan kelompok dalam (*ingroup*) atau komuniti tuan rumah serta orang luar sebagai kelompok luar (*outgroup*) atau komuniti migran/imigran. Komuniti migran/imigran yang ada di Pulau Labuan ini termasuklah kelompok orang luar (warganegara). Pada tahun 2010, jumlah penduduk Pulau Labuan adalah seramai 86 908 orang (lihat Jadual 1). Daripada jumlah itu dianggarkan sebanyak 55.27% (48 034 orang) merupakan penduduk tempatan manakala, sebanyak 44.73% (38 874 orang) merupakan orang luar. Maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Muzium Labuan (2014) mendapati komuniti penduduk tempatan di Pulau Labuan terdiri daripada kelompok etnik Melayu Brunei-Kedayan, Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Cina, India serta bukan Bumiputera lain. Keturunan mereka merupakan kelompok etnik terawal yang membuka petempatan dan telah tinggal di pulau ini sejak Pulau Labuan dibuka.

Sementara itu, komuniti orang luar pula terdiri daripada kelompok Bumiputera lain serta kelompok bukan warganegara. Penelitian penyelidik mendapati kelompok Bumiputera lain ini sebenarnya merujuk kepada kelompok orang luar (warganegara Malaysia) yang bekerja di Pulau Labuan. Mereka kebanyakannya berasal dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Berdasarkan Jadual 1., kelompok orang luar (warganegara) di Pulau Labuan pada tahun 2010 dianggarkan seramai 18 212 orang atau 20.96% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Pulau Labuan. Tinjauan dan maklumat yang diperolehi daripada informan mendapati kebanyakan orang luar (warganegara) bekerja sebagai penjawat awam Persekutuan dalam pelbagai sektor pekerjaan seperti sektor pendidikan, pengajian tinggi, keselamatan, kesihatan serta pengurusan awam. Terdapat juga orang luar (warganegara) yang bekerja dalam sektor swasta seperti dalam sektor kewangan dan perbankan, industri minyak dan gas serta industri perkapalan dan logistik.

**Jadual 1 Komposisi penduduk Pulau Labuan bagi tahun 2010 mengikut kelompok etnik**

Kelompok Etnik	Etnik / Ras	Jumlah	%
Bumiputera	Melayu Brunei – Kedayan	30 001	34.52
	Kedazan-Dusun	7 380	8.49
	Bajau	6300	7.25
	Murut	701	0.81
	Bumiputera Lain	18 212	20.96
Bukan Bumiputera	Cina	10 014	11.52
	India	641	0.74
	Bukan Bumiputera Lain	1515	1.74

Bukan Warganegara	Indonesia, Filipina, India, Pakistan, Lain-Lain Ras	12 144	13.97
Jumlah Keseluruhan		86 908	100

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2013

## Pengukuhkan kesepaduan sosial melalui interaksi sosial

### Kekerapan kontak sosial

Kontak sosial antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara) pada asasnya berlaku disebabkan oleh faktor pekerjaan serta faktor penyertaan dan penglibatan dalam kegiatan komuniti. Kesemua informan penduduk tempatan mendakwa perkenalan dengan orang luar (warganegara) yang mereka kenali disebabkan oleh faktor pekerjaan. Hal yang sama juga dinyatakan oleh kesemua informan orang luar (warganegara). Oleh kerana semua informan kajian mendakwa bahawa mereka mempunyai rakan sekerja dari kelompok yang berbeza di tempat kerja maka, kontak sosial yang kerap antara kelompok penduduk tempatan dan orang luar di tempat kerja sering terjadi.

Informan PT1:

*“Hampir setiap hari boleh terjumpa mereka (orang luar warganegara) sama ada di tempat kerja atau di kawasan lain dalam Pulau Labuan”*

Informan OLW2:

*“sememangnya kerap, kerana kami satu tempat kerja yang sama”.*

Majoriti informan yang ditemui bersetuju bahawa kontak sosial antara mereka dengan kelompok berlainan terutamanya di tempat kerja membolehkan interaksi sosial terjadi antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara). Bagi sebahagian besar informan orang luar (warganegara), kontak sosial dengan penduduk tempatan merupakan pencetus kepada wujudnya interaksi sosial antara kelompok mereka dengan kelompok penduduk tempatan. Informan OLW1 menjelaskan bahawa kontak sosial dengan penduduk tempatan adalah perlu demi survival mereka di Pulau Labuan. Berdasarkan kepada alasan tersebut. menurut informan OLW1 lagi maka, kontak sosial yang kerap dengan penduduk tempatan perlu diusahakan.



Foto 1. Aktiviti keagamaan merupakan aktiviti paling kerap mempertemukan penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara)

Dalam pada itu, faktor penyertaan dan penglibatan dalam kegiatan komuniti muncul sebagai antara faktor utama yang kerap menghubungkan penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara). Beberapa kegiatan komuniti dikenalpasti telah menyumbang kepada kekerapan kontak sosial antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara). Kegiatan komuniti yang dimaksudkan adalah kegiatan ekonomi, sosial, kesihatan dan keagamaan. Hasil kajian mendapati kegiatan keagamaan merupakan kegiatan yang paling kerap menghubungkan penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara) di luar skop pekerjaan mereka. Hal ini dijelaskan oleh informan OLW3:

*“kerana sebahagian besar aktiviti malam saya berada di sini (surau) dapatlah saya berkenalan dengan kebanyakan kariah penduduk tempatan di kampung ini melalui aktiviti sebegini (ceramah agama)”*

Kenyataan informan OLW3 itu disokong informan PT2, menurut informan PT2:

*“pada pengamatan saya, mereka (orang luar warganegara) sering mengikuti aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh kariah masjid. Biasanya selepas solat fardhu subuh, maghrib dan isyak, mereka akan bersama-sama dengan kariah penduduk tempatan mendengar ceramah agama yang diatur, dan ada juga dari kalangan mereka yang membantu jawatankuasa masjid menjayakan program keagamaan yang diadakan dalam kariah ini”.*

### **Kekerapan komunikasi**

Sebahagian besar informan mengatakan bahawa komunikasi antara kelompok sangat penting bagi mewujudkan interaksi sosial yang positif antara mereka dengan kelompok berbeza. Menurut kesemua informan, komunikasi dengan kelompok berlainan turut berlaku disebabkan oleh faktor pekerjaan serta faktor penyertaan dan penglibatan dalam kegiatan komuniti. Bagi Informan PT3, komunikasi dengan orang luar (warganegara) berlaku setiap hari. Informan PT3 menyatakan:

*“saya berkomunikasi dengan mereka (orang luar warganegara) di tempat kerja, kedai kopi, pusat beli-belah, pasar, di gym, dalam program kemasyarakatan, bahkan di masjid. Kami bertegur sapa dan menanyakan khabar masing-masing sekiranya bertemu di mana-mana”.*

Sementara itu, informan OLW4 pula menyatakan:

*“Sudah tentu saya kerap berkomunikasi dengan penduduk tempatan di sini. Kerjaya sebagai seorang guru membolehkan saya dapat berkomunikasi dengan kerap dengan murid, rakan sekerja mahupun dengan ibubapa murid-murid saya yang sebahagian besarnya dari kalangan penduduk tempatan. Saya juga pernah terus berhubungan dengan ibubapa murid-murid saya untuk memberitahu prestasi akademik anak-anak mereka dan berbincang menyelesaikan masalah*

*pembelajaran yang dihadapi anak-anak mereka termasuklah masalah beban kehidupan yang dihadapi oleh murid-murid yang kurang berkemampuan.*

Hasil kajian turut mendapati, faktor penyertaan dan penglibatan dalam kegiatan komuniti telah membantu penduduk tempatan dan orang luar (warganegara) dapat berkomunikasi dengan kerap. Kegiatan ekonomi umpamanya ternyata telah menjadi salah satu medium utama yang membolehkan komunikasi yang kerap terjadi antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara). Hal ini diakui oleh OLW2:

*“saya bagi contoh begini. Saya ingin membeli barang elektronik atau hardware tetapi saya kurang tahu mengenai barang yang hendak saya beli tersebut. Apa yang biasa saya lakukan adalah saya akan bertanya dahulu dengan jurujual atau pemilik kedai elektronik atau hardware itu bagi memastikan beberapa perkara mengenai barang tersebut. Setelah berpuas hati dengan penjelasan mereka maka, barulah urusan pembelian dilakukan. Proses yang saya nyatakan sebentar tadi secara langsung membuktikan wujudnya komunikasi antara saya dengan penduduk tempatan melalui urusan jual-beli barang”.*

Bagi informan PT2, komunikasi yang kerap terjadi antara dirinya dengan pelanggan yang membeli makanan yang dijualnya. Ada antara pelanggannya merupakan pelanggan tetap semenjak dia mula bermiaga di pasar tani pada setiap hujung minggu. Pelanggan tetapnya itu bukan sahaja terdiri daripada kalangan penduduk tempatan malah, ada juga dari kalangan orang luar (warganegara). Menurut informan PT2 lagi, pernah ada orang luar (warganegara) menempah nasi berlauk dan kuih-muih yang dijualnya untuk majlis atau program di tempat kerja mahupun di rumah mereka. Komunikasi antara dirinya dengan pelanggannya berterusan sehingga kini.



Foto 2. Pasar Tani merupakan lokasi kerap terjadi komunikasi antara penduduk tempatan dengan orang (warganegara)

**Kepentingan interaksi sosial kepada penduduk tempatan dan orang luar (warganegara)**

Antara manfaat utama yang diterima oleh penduduk tempatan dan orang luar (warganegara) hasil dari interaksi sosial yang terjadi antara mereka adalah urusan kerja sehari-hari menjadi lebih mudah diurus serta berpeluang dapat mengenali kebudayaan dan adat resam kelompok yang berbeza.

### Jadual 2 Kepentingan interaksi sosial

Kepentingan interaksi sosial	Bilangan Informan	Peratus
Memudahkan dan melancarkan urusan kerja sehari-hari	14	77.8
Mengenali budaya dan adat resam kelompok berbeza	4	22.2
Jumlah	18	100

Seramai 14 orang informan atau 77.8 peratus menyatakan bahawa dengan berinteraksi dengan kelompok berbeza, urusan kerja sehari-hari menjadi mudah dan berjalan lancar. Jika sebelum ini mereka saling mengelak untuk berurusan sesama mereka kini, informan sudah terbiasa berinteraksi dengan kelompok berlainan. Kesanggupan mereka untuk berinteraksi antara satu sama lain adalah untuk memastikan urusan sehari-hari mereka dapat berjalan lancar. Beberapa orang informan memberitahu, interaksi sosial yang terjadi antara mereka dengan dengan kelompok berbeza tidak hanya terbatas dalam urusan pekerjaan sahaja. Malah, interaksi sosial turut berlaku dalam aspek ekonomi, sosial, keagamaan serta kegiatan kemasyarakatan.

Sebanyak 22.2 peratus informan yang lain pula menyatakan bahawa manfaat daripada interaksi sosial antara penduduk tempatan dengan orang luar (warga negara) iaialah mereka berpeluang mengenali dan mempelajari kebudayaan kelompok berbeza. Jika dahulu mereka kurang tahu tentang kebudayaan dan adat resam kelompok berbeza kini, menerusi interaksi sosial yang terjadi, mereka sudah boleh mengenali, mengetahui malah dapat mempelajari kebudayaan kelompok berbeza. Menurut informan OLW6, interaksi sosial memudahkan mereka mempelajari kebudayaan penduduk tempatan. Terdapat rakan atau kenalannya dari kalangan penduduk tempatan yang memberi pencerahan mengenai setiap persoalan tentang kebudayaan komuniti penduduk tempatan yang ingin diketahui atau dipelajarinya. Menurut OLW5, adalah penting bagi setiap orang luar (warganegara) mengetahui kebudayaan dan adat resam penduduk tempatan supaya salah faham dan konflik antara kelompok dapat dihindari. Ternyata, interaksi sosial yang berlaku antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara) tidak hanya penting kepada orang luar (warganegara) sahaja malah, kepentingan interaksi sosial dengan kelompok berbeza turut diakui oleh penduduk tempatan. Informan PT8 mengatakan:

*“jika orang luar boleh mempelajari kebudayaan penduduk tempatan mengapa tidak penduduk tempatan mempelajari kebudayaan mereka kembali. Saya percaya banyak kelebihan yang kami boleh perolehi. Contohnya dengan belajar memasak masakan popular orang Semenanjung seperti Nasi Dagang, Nasi Kerabu atau Laksa Utara dari orang luar (warganegara) yang bekerja di sini membolehkan kami berpeluang merasa masakan tersebut tanpa perlu menghabiskan ratusan ringgit untuk bercuti ke Semenanjung Malaysia”.*

### **Masalah dan penyelesaian masalah oleh penduduk tempatan dan orang luar (warganegara)**

Setiap komuniti yang memiliki tahap kesepaduan sosial yang tinggi pasti mempunyai masalah atau cabaran yang dihadapi dalam usaha mereka mahu mengekalkan keadaan aman, tenang dan harmoni yang sedang mereka nikmati itu. Hal ini turut berlaku dalam komuniti di Pulau Labuan. Antara masalah yang telah dikenalpasti berlaku dalam hubungan sosial antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara) iaiah masalah prejudis dan diskriminasi. Maklumat yang diperolehi daripada informan menunjukan bahawa sungguhpun interaksi sosial yang positif sedang berlaku antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara) namun, perasaan prejudis terhadap kelompok berlainan tetap terjadi. Sekurang-kurangnya dengan wujud interaksi sosial yang positif antara kelompok didapati perasaan prejudis terhadap kelompok berbeza semakin menipis. Bagi informan PT10, perasaan prejudis terhadap kelompok berbeza tidak akan hilang selagi pendirian kelompok masing-masing menganggap bahawa kelompok berlainan sebagai pesaing dalam mendapatkan peluang-peluang kehidupan yang terhad seperti peluang pekerjaan, pemilikan rumah, termasuklah tuntutan hak kesamarataan diberi kepada semua pihak. Menurut informan PT8 pula, apabila perasaan prejudis terhadap kelompok berbeza semakin menebal, beberapa tindakan diskriminasi yang bertujuan untuk mendatangkan kemudharatan atau melemahkan pesaing berlaku. Hal ini menurut informan OLW5 menyebabkan situasi tegang dalam hubungan sosial antara penduduk tempatan dengan orang luar (warganegara) terjadi. Masalah prejudis dan diskriminasi yang berlaku antara komuniti penduduk tempatan dengan komuniti orang luar (warganegara) di sini diatasi dengan cara mewujudkan lebih banyak peluang interaksi antara kelompok dalam komuniti. Hal ini dilakukan untuk mengurangkan salah faham kelompok terhadap kelompok berbeza. Dengan cara ini, situasi tegang antara kelompok dapat diurus dan dikawal dengan baik.

**Jadual 3 Masalah yang dihadapi oleh penduduk tempatan dan orang luar (warganegara) dalam interaksi sosial sesama mereka**

Jenis masalah	Bilangan Informan	Peratus
Masalah prejudis dan diskriminasi	6	33.3
Masalah masa bersama komuniti (waktu kerja selama 8 jam sehari menyebabkan informan merasakan masa mereka bersama komuniti agak terhad)	12	66.7
Jumlah	18	100

Selain daripada masalah prejudis dan diskriminasi, masalah ketidaaan masa untuk diluangkan dengan komuniti turut timbul. Sebanyak 12 orang informan menyatakan mereka menghadapi masalah berkaitan masa bersama komuniti. Mereka mendakwa tidak mempunyai masa yang banyak untuk mengikuti kegiatan yang dianjurkan dalam komuniti kerana kebanyakan masa yang ada dihabiskan di tempat

kerja atau berehat di rumah. Masalah ketiadaan masa dengan komuniti ini diatasi dengan cara membawa usul supaya pihak majikan dapat mengadakan program kemasyarakatan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat atau jabatan. Dengan cara ini, penduduk tempatan dan orang luar (warganegara) yang bekerja sebagai penjawat awam maupun pekerja sektor swasta dapat menyumbang bakti kepada komuniti melalui medium pekerjaan mereka.

## KESIMPULAN

Bukanlah suatu perkara mudah untuk memperkuuh kesepadan sosial yang sedia wujud dalam sebuah komuniti. Komitmen dan toleransi anggota masyarakat dalam komuniti dituntut untuk mengelak situasi tegang antara kelompok tercetus. Situasi tegang antara kelompok boleh dielak sekiranya wujud kekerapan kontak sosial dan komunikasi antara kelompok dalam komuniti. Keduanya merupakan prasyarat utama yang dikesan mampu memperkuuh kesepadan sosial dalam sebuah komuniti.

## RUJUKAN

- Dandy, J. & Pe-Pua, R. 2013. *Research into the current and emerging driver for social cohesion, social division and conflict in multicultural Australia*. Joint Commonwealth, State and Territory Research Advisory Committee.
- Dennis, A., Philbrun, R. & Smith, G. 2013. *Sociologies of Interaction*. Polity Press: Cambridge.
- Jabatan Muzium Labuan. 2014. *Maklumat etnik di Pulau Labuan*. Jabatan Muzium Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2013. *Komposisi penduduk Pulau Labuan bagi tahun 2010 mengikut kelompok etnik*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Mansor Mohd. Noor. 2012. *Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik: kepelbagai etnik dan perkongsian hidup bersama di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mujibu Abd. Muis. 2012. *Menangani kerencaman kaum dalam proses bina bangsa: cabaran dan pengalaman Malaysia*. Sosiohumanika: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan 5 (2). Bandung: Minda Masagi Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2009. *Melestari perpaduan, memperkuuh integrase: konsep satu Malaysia sebagai wahana terkini*. Dlm. Kumpulan dokumen-dokumen Seminar Gagasan satu Malaysia: kesinambungan satu perjuangan. Kuala Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu dan Universiti Malaya.

---

. 2012. *Modul hubungan etnik*. Edisi kedua. Bangi: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Sharial Bungsu  
Pusat Pengajian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
UKM, Bangi, Selangor  
sharialbungsu@yahoo.com